



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MOTIVASI PENCAPAIAN  
DALAM KALANGAN PELAJAR BIDANG HOSPITALITI KOLEJ  
VOKASIONAL***

**SITI AISHAH BINTI SAAD**

**FPP 2015 36**



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MOTIVASI PENCAPAIAN  
DALAM KALANGAN PELAJAR BIDANG HOSPITALITI KOLEJ  
VOKASIONAL**



Oleh

**SITI AISHAH BINTI SAAD**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah  
Master Sains**

**Ogos 2015**

## HAKCIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MOTIVASI PENCAPAIAN  
DALAM KALANGAN PELAJAR BIDANG HOSPITALITI KOLEJ  
VOKASIONAL**

Oleh

**SITI AISHAH BINTI SAAD**

**Ogos 2015**

**Pengerusi : Profesor Madya Rosini Binti Abu, Ed.D**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap motivasi pencapaian pelajar dan menentukan hubungan antara sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian. Selain itu kajian juga bertujuan menentukan perbezaan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar pelbagai kursus. Di samping itu, faktor yang mempengaruhi motivasi pencapaian di bidang Hospitaliti Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia turut diukur. Pembolehubah bebas kajian adalah latar belakang, sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel. Manakala pembolehubah bersandar adalah motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional. Kajian tinjauan dan hubungan ini melibatkan 687 orang pelajar Tahun Satu bidang Hospitaliti Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia yang dipilih secara persampelan kelompok dan persampelan rawak mudah. Instrumen kajian telah diadaptasi oleh penyelidik berdasarkan kajian-kajian lepas iaitu kajian Siti Paridah Jailani (2009); Maya (2001); Chiu (1997); Lang & Stefan (2006); Selcuk, Mehmet, & Acikgoz (2011); Nelson & Debacker (2008). Data dikumpul sendiri oleh penyelidik. Data yang diperoleh telah dianalisis melalui statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar bidang Hospitaliti mempunyai tahap motivasi pencapaian yang tinggi. Hasil analisis varians sehala (ANOVA) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar pelbagai kursus. Walaubagaimanapun hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif dan kuat antara faktor sikap terhadap bidang kursus dengan motivasi pencapaian responden. Selain itu terdapat hubungan signifikan yang positif dan sederhana bagi pembolehubah sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian. Keputusan analisis regresi berganda pula menunjukkan faktor sikap pelajar terhadap kursus adalah faktor penyumbang utama kepada motivasi pencapaian murid. Sebagai cadangan bagi meningkatkan tahap motivasi pencapaian murid, usaha perlu dilakukan untuk

memupuk sikap positif pelajar terhadap kursus yang dipelajari di Kolej Vokasional. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk tujuan penambahbaikan dan penyelidikan pada masa akan datang.



© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for Master of Science

## **FACTORS AFFECTING THE ACHIEVEMENT MOTIVATION AMONG HOSPITALITY FIELD STUDENTS OF VOCATIONAL COLLEGES**

By

**SITI AISHAH BINTI SAAD**

**August 2015**

**Chairman : Profesor Madya Rosini Binti Abu, Ed.D**  
**Faculty : Educational Studies**

The objectives of this research are to measure the levels of students' achievement motivation and to determine the relationships among the students' towards the course, parental support, peer influence, teachers' roles and the workshop environment towards achievement motivation. Besides that, it is also to determine the differences of achievement motivation among the students in different fields. At the same time, the factors affecting the achievement motivation in the hospitality field of Vocational Colleges in Peninsular Malaysia are measured too. The independent variables are students' background, students' attitude towards the course, parental support, peer influence, teachers' roles and workshop environment. Whereas the dependent variables are achievement motivation among the students who study hospitality in Vocational colleges. This survey research has involved 687 first year students in hospitality field of the Vocational colleges in Peninsular Malaysia who were selected through a random sample and simple random sampling. Research instruments were adapted based on past research which are Siti Paridah Jailani (2009); Maya (2001); Chiu (1997); Lang & Stefan (2006); Selcuk, Mehmet, & Acikgoz (2011); Nelson & Debacker (2008). The data was self-administrated. The collected data was analysed using descriptive statistics and inferences. Research findings showed that the majority of the hospitality students have high level of achievement motivation. Findings from ANOVA analysis showed that there are significant differences between achievement motivation in the students of different fields with achievement motivation. However, the correlation findings showed that there is a positive and strong correlation among the factors like attitude towards the course with respondents' achievement motivation. Besides that, there is a positive significant and medium strength of correlation for parental support, peer influence, teachers' roles and workshop environment with achievement motivation. The multiple regression analysis showed that attitude towards the course is the main factor contributing to students' achievement motivation. As a suggestion to improve the level of achievement motivation, effort is needed to cultivate positive attitude of the students towards the courses they study in Vocational colleges. A few

recommendations for improvement and future research are discussed in the research.



© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah di atas limpah rahmatNya, walaupun menempuh pelbagai cabaran dan dugaan yang menguji kesabaran sebagai seorang insan bergelar pelajar pasca siswazah dengan izinNya saya dapat menyiapkan tesis ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada jawatankuasa penyeliaan tesis saya, Prof. Madya Dr. Rosini bt Abu dan Prof. Madya Datin Dr. Ramlah bt Hamzah kerana membimbing dan memotivasi saya sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia. Tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah yang turut sama menyumbang idea, ilmu yang bermanfaat samada secara formal atau tidak iaitu Prof. Dr. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Dr. Ahmad Fauzi b. Mohd Ayub, Dr. Rahimah bt Jamaludin dan Dr Arasinah bt Kamis . Tidak dilupakan juga kepada Prof. Dr. Rahil bt Mahyuddin, Pn Anis bt Zakaria dan guru-guru cemerlang dari Kolej Vokasional Sg Petani 2 selaku panel penilai kesahan instrumen kajian. Penghargaan terima kasih jua kepada responden kajian daripada KV bidang Hospitaliti seluruh Semenanjung Malaysia.

Untuk suami Wan Muhamad Noor Azam, anak Wan Wafin Wardah, ibu Rahmah bt Hamid serta ibu mertua Ku Manis terima kasih kerana sentiasa memanjatkan doa kehadiran Ilahi dan sabar mengharungi cabaran bersama untuk membantu merealisasikan impian ini.

Akhir sekali terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Kejayaan ini milik kita bersama. InshaAllah.




Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Rosini Binti Abu, Ed.D**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ramlah Binti Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**  
Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Siti Aishah Bt Saad , GS29995

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi

Tandatangan \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Rosini Binti Abu, Ed.D

Tandatangan \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Ramlah Binti Hamzah, PhD

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Hipotesis Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Limitasi Kajian	8
1.8	Definisi Operasional	
1.8.1	Motivasi Pencapaian	9
1.8.2	Pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	9
1.8.3	Sikap Pelajar Terhadap Kursus	9
1.8.4	Sokongan Ibu bapa	9
1.8.5	Pengaruh Rakan Sebaya	10
1.8.6	Peranan Guru	10
1.8.7	Persekitaran Bengkel	10
1.9	Rumusan Bab	10
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
2.0	Pengenalan	11
2.1	Teori Motivasi Pencapaian	12
2.2	Teori Sikap	15
2.3	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pencapaian	16
2.4	Kerangka Teori Kajian	18
2.5	Kajian-kajian Lepas	
2.5.1	Tahap motivasi pencapaian	18
2.5.2	Hubungan sikap pelajar terhadap kursus dengan motivasi pencapaian	19
2.5.3	Hubungan sokongan ibu bapa dengan motivasi pencapaian pelajar	21
2.5.4	Hubungan pengaruh rakan sebaya dengan motivasi pencapaian pelajar	25
2.5.5	Hubungan peranan guru dengan motivasi	26

	pencapaian pelajar	
	2.5.6 Hubungan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian pelajar	29
	2.5.7 Motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti	31
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.7	Rumusan Bab	33
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pengenalan	34
3.1	Rekabentuk Kajian	34
3.2	Lokasi Kajian	34
3.3	Populasi Kajian dan Persampelan	35
3.4	Instrumen Kajian	39
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	42
3.6	Kajian Rintis	43
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	43
3.8	Analisis Data	44
	3.8.1 Analisis Penerokaan Data	45
	3.8.2 Statistik Deskriptif	49
	3.8.3 Statistik Inferensi	51
3.9	Rumusan Bab	52
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0	Pengenalan	53
4.1	Latar Belakang Kajian	53
4.2	Analisis Deskriptif dan Inferensi	53
	4.2.1 Tahap Motivasi Pencapaian	58
	4.2.2 Sikap Pelajar Terhadap Kursus (Seni Kulinari, Bakeri dan Pastrri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi dan Pengajian Awal Kanak-Kanak)	60
	4.2.3 Sokongan Ibu bapa	62
	4.2.4 Pengaruh Rakan Sebaya	63
	4.2.5 Peranan Guru	64
	4.2.6 Persekitaran Bengkel	65
	4.2.7 Hubungan Antara Sikap Pelajar Terhadap Bidang Kursus, Sokongan Ibu Bapa, Pengaruh Rakan Sebaya, Peranan Guru dan Persekitaran Bengkel dengan Motivasi Pencapaian	66
	4.2.8 Perbezaan Motivasi Pencapaian Dalam Kalangan Pelajar Bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	67
	4.2.9 Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Pencapaian dalam Kalangan Pelajar Bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	69
4.3	Rumusan Bab	70

<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.0	Pengenalan	72
5.1	Rumusan Kajian	72
5.2	Perbincangan	
5.2.1	Demografi kajian	73
5.2.2	Tahap motivasi pencapaian pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	74
5.2.3	Hubungan antara sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian pelajar Bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	76
5.2.4	Perbezaan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar pelbagai kursus dalam bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	84
5.2.5	Mengenalpasti faktor peramal yang menyumbang kepada motivasi pencapaian pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	84
5.3	Kesimpulan Kajian	86
5.4	Implikasi dan Cadangan	87
5.5	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	88
	<b>RUJUKAN</b>	90
	<b>LAMPIRAN</b>	98
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	101
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	102

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Keputusan Pentaksiran Bidang Hospitaliti Kolej Vokasional 2012	5
2	Bilangan Kolej Vokasional mengikut negeri yang menawarkan bidang Hospitaliti di Semenanjung Malaysia	34
3	Bilangan pelajar mengikut bidang pengajian di Kolej Vokasional	35
4	Penentuan saiz sampel mengikut kursus	36
5	Spesifikasi soal selidik	39
6	Faktor sokongan ibu bapa, faktor guru, faktor persekitaran dan kemudahan bengkel, faktor rakan sebaya, sikap pelajar terhadap kursus dan motivasi pencapaian	40
7	Skor bagi item sikap pelajar terhadap kursus	41
8	Skor bagi item motivasi pencapaian	42
9	Nilai alfa Cronbach untuk kajian rintis dan kajian sebenar	43
10	Prosedur pengumpulan data	43
11	Kepencongan, Kurtosis bagi pembolehubah	45
12	Tatacara pengiraan tahap motivasi pencapaian	50
13	Pemarkatan dan interpretasi untuk tahap motivasi pencapaian	50
14	Skala kekuatan korelasi	51
15	Interpretasi kekuatan perbezaan berdasarkan saiz kesan	51
16	Pemilihan analisis statistik berdasarkan persoalan kajian	51
17	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina	54
18	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut elektif KHB tingkatan 3	54
19	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut kursus yang diikuti, pilihan pertama kursus dan individu yang paling menggalakkan	55
20	Taburan kekerapan dan peratusan berkaitan tahap pendidikan ibu dan bapa responden	56
21	Taburan kekerapan dan peratusan berkaitan pekerjaan ibu dan bapa responden	57
22	Taburan kekerapan dan peratusan berkaitan kelas pendapatan ibu dan bapa responden	57
23	Taburan responden, min dan sisihan piawai mengikut tahap motivasi pencapaian	58
24	Taburan min dan sisihan piawai bagi item motivasi pencapaian	59
25	Taburan min dan sisihan piawai bagi item faktor	60

	sikap terhadap kursus	
26	Taburan min dan sisihan piawai bagi item faktor sokongan dan penglibatan ibu bapa	62
27	Taburan min dan sisihan piawai bagi item pengaruh rakan sebaya	63
28	Taburan min dan sisihan piawai bagi item peranan guru	64
29	Taburan min dan sisihan piawai bagi item persekitaran bengkel	65
30	Hubungan antara sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian	66
31	Taburan min dan sisihan piawai motivasi pencapaian berdasarkan bidang Hospitaliti Kolej Vokasional	67
32	Keputusan ujian Anova sehala perbezaan motivasi pencapaian berdasarkan kursus dalam bidang Hospitaliti di Kolej Vokasional	68
33	Ujian Perbandingan Berganda Games Howell	68
34	<i>Model summary</i>	69
35	Anova	70
36	Keputusan Analisis Regresi Berganda	70



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1	Model Motivasi Pencapaian	17
2	Kerangka Teori Kajian	18
3	Kerangka Konseptual Kajian	33
4	Boxplot	46
5	Histogram	48
6	Normal Probability Plots (Q-Q plots)	49



## SENARAI SINGKATAN

BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
GPA	<i>Grade Point Average</i>
HSC	<i>High School Certificate</i>
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KV	Kolej Vokasional
LCE	<i>Lower Certificate Examination</i>
MCE	<i>Middle Certificate Examination</i>
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
PBE	<i>Production-Based Education</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
RMK	Rancangan Malaysia Ke-10
SE	<i>School Enterprise</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Bidang Hospitaliti merupakan satu penjenamaan semula bagi bidang Ekonomi Rumah Tangga dalam pendidikan vokasional di Malaysia. Seiring dengan anjakan paradigma Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional, maka istilah Hospitaliti telah digunakan. Bidang Hospitaliti ini menawarkan enam pilihan kursus iaitu kursus Seni Kulinari, Bakeri dan Pastri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi, Pengajian Awal Kanak-kanak dan Pelancongan. Memikirkan bidang ini semakin diterima pada masa kini maka pelajar yang terpilih untuk mengikuti bidang ini perlu mempunyai kelayakan akademik dan kemahiran yang seiring. Walaupun masih ada stigma masyarakat yang beranggapan bidang vokasional ini sebagai pendidikan kelas kedua namun kini bidang ini dilihat boleh membantu memacu ekonomi negara. Oleh itu untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam bidang ini mereka perlu dimotivasikan supaya terdorong untuk berjaya. Menurut Ryan & Deci (2000) motivasi adalah suatu dorongan yang menggerakkan seseorang untuk berusaha mencapai kejayaan. Kejayaan individu menyelesaikan tugas yang diberi dianggap suatu pencapaian. Motivasi juga tidak berdiri sendiri tetapi mempunyai hubungan dengan faktor-faktor yang berkait rapat dengan kehidupan pelajar seperti ibu bapa, guru, persekitaran bengkel dan kemudahan, rakan sebaya dan sikap pelajar terhadap kursus.

### 1.1 Latar Belakang

Untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia perlu memajukan pembangunan modal insan berkualiti dan bertaraf dunia. Justeru, peningkatan kemahiran secara radikal perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran dengan fokus utama mengurusperdagangan dan memperluaskan akses kepada pendidikan vokasional yang berkualiti. Pendidikan vokasional di bawah institusi pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meletakkan matlamat mencapai penambahan bekalan modal insan berkemahiran melalui penyediaan pendidikan berkualiti kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kecenderungan dan keupayaan dalam bidang vokasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)

Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan melalui KPM telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional. Pendidikan Vokasional dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan ini ditawarkan pada dua peringkat iaitu pada peringkat Menengah Rendah bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 iaitu Pendidikan Asas Vokasional manakala di peringkat Menengah Atas iaitu

Kolej Vokasional. Kolej Vokasional ditawarkan di Kolej Vokasional KPM dan Kolej Vokasional Swasta bagi lulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Harapannya hasil daripada transformasi ini, pendidikan teknikal dan vokasional dijangka boleh mengubah lanskap pendidikan negara ke arah mengarusperdanakan aliran kemahiran vokasional serta mengubah komposisi modal insan daripada berorientasikan lepasan akademik kepada lepasan aliran vokasional sejajar amalan negara maju. Sehubungan dengan itu kerangka kurikulum Kolej Vokasional turut digubal dengan penekanan nisbah 70:30 iaitu 70 kemahiran dan 30 akademik. Masa perjumpaan bersama pensyarah juga telah ditetapkan iaitu 1 jam untuk teori manakala 2 hingga 3 jam untuk amali. Penentuan jam kredit bagi modul amali adalah berdasarkan keperluan jam pertemuan setiap tahap. Jumlah jam kredit bagi setiap semester pula adalah pada kadar maksimum iaitu 18 hingga 20 termasuk modul akademik.

Menurut Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional (2015) syarat khusus pengambilan pelajar bagi program Hospitaliti di Kolej Vokasional adalah pelajar yang memperolehi sekurang-kurangnya gred minimum C atau D bagi lima mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Kemahiran Hidup dalam PT3 Berdasarkan analisis keputusan pentaksiran kursus Seni Kulineri, Fesyen dan Pembuatan Pakaian serta Kosmetologi bagi Semester 1 dan Semester 2 tahun 2012 di Kolej Vokasional didapati dalam pentaksiran kemahiran, majoriti pelajar memperolehi gred A, walaubagaimanapun masih terdapat juga pelajar yang memperolehi gred B dan B+. Mengapakah terdapat kumpulan pelajar yang kurang menguasai kemahiran memandangkan bidang ini memberi penekanan utama kepada kemahiran. Apabila dilihat kepada matlamat Kolej Vokasional itu sendiri adalah untuk menyediakan bekalan modal insan yang berkelayakan untuk pasaran buruh. Selain itu ia juga berperanan penting dalam mempersiapkan golongan muda dengan pekerjaan, meningkatkan keupayaan dan memenuhi keperluan pasaran buruh. Malah kerajaan turut menyalurkan sejumlah besar bajet dalam pembentangan Bajet 2015 untuk mencapai matlamat ini iaitu 1.2 billion ringgit untuk Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional. Bajet ini diharap dapat menaik taraf Kolej Vokasional dari segi infrastruktur dan prasarana.

Menurut Chabra & Kumari (2011) persoalan yang kerap dikemukakan dalam kajian pendidikan ialah sebab kejayaan dan kegagalan pelajar di sekolah. Apakah persoalan ini juga dapat dihuraikan apabila dilihat daripada perspektif motivasi? Setiap pelajar mempunyai tahap motivasi yang berbeza. Kebanyakan orang percaya bahawa motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada pelajar kekal fokus semasa di sekolah. Motivasi lahir daripada cetusan dalaman diri individu yang boleh mendorong, menggerak, merangsang, mengarah dan mengekalkan tingkahlaku individu untuk terus melakukan sesuatu. Proses memotivasikan pelajar untuk belajar dan seterusnya memperolehi prestasi yang cemerlang di sekolah merupakan satu topik yang menjadi perhatian dan cabaran terbesar bagi pendidik hari ini. Kurangnya motivasi adalah satu halangan yang besar dalam pembelajaran dan penyebab penting dalam kemerosotan pendidikan.

Maka ini menimbulkan minat pengkaji untuk melihat tahap motivasi pencapaian pelajar khususnya bidang Hospitaliti dan faktor-faktor lain yang mempunyai perkaitan dengan motivasi pencapaian pelajar terhadap bidang kursus. Merujuk kepada McClelland (1961) dalam Castenell (1983) beliau telah mentakrifkan motivasi pencapaian sebagai satu motif untuk belajar, tidak disedari secara semulajadi akibat daripada ganjaran atau hukuman terhadap tingkah laku tertentu. Secara khususnya, motivasi pencapaian mengerakkan tingkah laku yang melibatkan persaingan untuk mencapai standard kecemerlangan. Jika seseorang itu berjaya ini akan menghasilkan kesan positif pada dirinya sebaliknya jika gagal kesan negatif akan berlaku. McClelland juga menegaskan bahawa motivasi pencapaian terbentuk semasa pengalaman awal kanak-kanak iaitu ibu bapa yang mengajar penguasaan bebas, rasa persaingan dan memberi ganjaran kepada tingkah laku yang dikenali sebagai " latihan pencapaian" kepada anak-anak mereka. Walaubagaimanapun McClelland menyimpulkan bahawa sesetengah kanak-kanak mempunyai keperluan untuk mencapai kejayaan dan sesetengah adalah sebaliknya.

Menurut Ali Tas, Abdullah Selvitopu, Veysel Bora & Yusuf Demirkaya (2013) empat faktor yang menyebabkan pelajar Sekolah Tinggi Vokasional gagal menamatkan pengajian di peringkat diploma iaitu faktor pelajar, sekolah, keluarga dan kejuruan. Faktor yang paling menyumbang kepada keciciran ini adalah faktor pelajar itu sendiri kerana ia melibatkan pemikiran dan kepercayaan tentang dirinya dan dihubungkan dengan pengalaman luaran aspek kehidupan sekolahnya iaitu masalah ponteng, sistem kurikulum yang terlalu rigid dan pengulangan gred. Sikap dan tingkah laku guru, rakan dan pentadbir sekolah juga menyumbang kepada proses keciciran pelajar. Pelajar merasakan amalan pengajaran guru tidak dipraktikkan secara adil kepada semua pelajar. Malah pelajar turut merasakan mereka telah memilih rakan sebaya yang salah. Tingkahlaku ini mungkin dilihat berkait dengan motivasi pelajar. Menurut Stiggin (2005) dalam Hall (2011) pembelajaran berlaku apabila wujud motivasi dan keinginan untuk belajar dalam diri pelajar. Apabila keinginan mendapatkan kecemerlangan menjadi satu perkara yang diutamakan ianya dijemakan sebagai tenaga yang mendesak seseorang membuat sesuatu dengan lebih baik, lebih cepat, lebih cekap, memperbaiki prestasi masa lalu, mengatasi pesaing atau mencari penyelesaian yang unik terhadap masalah yang sukar.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Khadijah Alavi, Rahim Md. Sail, & Abd Hair Awang (2013) tentang persepsi keluarga dan guru terhadap imej dan rasa kebanggaan bekerja dalam bidang Teknik dan Vokasional mendapati bahawa bidang ini mampu memberi imej positif untuk melahirkan tenaga kerja yang bertenaga, efisien dan pekerja berkemahiran tinggi. Manakala persepsi imej negatif adalah kerjaya dalam bidang ini mempunyai status dan tahap pendapatan yang rendah. Bagaimanapun tanggapan ini kemungkinan tersasar apabila keyakinan terhadap kerjaya dalam bidang Teknik dan Vokasional menunjukkan sedikit perubahan di mana pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan memperoleh ganjaran yang lebih baik jika dibandingkan dengan bidang pendidikan arus perdana. Tambahan pula untuk mencapai status negara maju menjelang

tahun 2020, Malaysia memerlukan kepakaran tenaga kerja yang berkemahiran dalam pelbagai bidang dan bukan hanya terlatih dalam bidang akademik sahaja.

Kajian oleh Aydin & Coskun (2011) yang mengkaji mengenai motivasi pencapaian 151 orang pelajar sekolah tinggi di Turki terhadap subjek Geografi. Kajian beliau berbentuk tinjauan ini melihat hubungan antara motivasi pencapaian dengan pemboleh ubah jantina, tahap pembelajaran, tahap pendidikan keluarga dan tahap pendapatan keluarga. Hasil dapatan menunjukkan tahap motivasi pencapaian pelajar berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini juga mendapati perbezaan signifikan motivasi pencapaian pelajar dengan tahap kelas berbanding pemboleh ubah jantina, tahap pendidikan ibu dan bapa serta tahap pendapatan keluarga. Pelajar daripada kelas terbaik mempunyai tahap motivasi pencapaian yang tinggi berbanding dengan pelajar daripada kelas rendah. Bagaimanapun pelajar menunjukkan sikap negatif terhadap pelajaran Geografi seperti menyukai topik yang mudah sahaja, tidak berusaha untuk mengeksplorasi sendiri subjek dan gemar belajar di saat akhir peperiksaan. Beliau menjelaskan bahawa sikap pelajar ini berpunca daripada guru di mana guru masih mempraktikkan kaedah pembelajaran satu hala komunikasi sahaja dan kurang menggunakan alatan berteknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya untuk meningkatkan pembelajaran, motivasi adalah faktor penting yang perlu disasarkan oleh guru untuk membantu pelajar tersebut. Membantu pelajar untuk belajar dengan jayanya adalah satu tugas yang sukar bagi guru namun kecemerlangan akademik amat dipengaruhi oleh motivasi untuk belajar dan pencapaian dalam kelas (Wu, Tsai, Yang, Huang, & Lin, 2012).

Sokongan dan penglibatan ibu bapa juga dalam pembelajaran anak-anak sememangnya tidak dapat dinafikan. Malah ibu bapa merupakan guru pertama bagi anak-anak di peringkat awal anak-anak mengenal erti pembelajaran. Fulton & Turner (2008) menyatakan ibu bapa mempengaruhi perkembangan terhadap perkembangan motivasi pelajar semasa zaman kanak-kanak dan remaja. Secara tidak langsung penglibatan ibu bapa ini menyumbang kepada implikasi positif pembelajaran dan meningkatkan tahap pencapaian akademik anak-anak apabila mereka melangkah dewasa. Menurut kajian Siti Paridah Jailani (2009) terhadap 260 orang pelajar Tingkatan 5 yang mengambil mata pelajaran Penjagaan Muka dan Dandan Rambut (PMDR) dan mata pelajaran teras di 14 buah sekolah di Zon Tengah dan Zon Selatan Malaysia, didapati bahawa sokongan dan penglibatan daripada ibu bapa, guru dan persekitaran serta kemudahan bengkel dan sikap pelajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap motivasi pencapaian. Sokongan dan penglibatan daripada ibu bapa, guru dan persekitaran serta kemudahan bengkel mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk pencapaian kecemerlangan terutamanya pelajar dalam bidang Teknik dan Vokasional.

Pautan antara motivasi dan tingkah laku atau sikap adalah penting kerana motivasi semata-mata tidak cukup untuk menggalakkan pencapaian. Oleh itu guru harus memupuk motivasi pelajar untuk tindakan yang berkesan. Sikap

terhadap matapelajaran dan faktor peribadi (pengaruh rakan sebaya, etnik dan jantina) memainkan peranan penting dalam pembelajaran (Kamariah Abu Bakar, Rohani Ahmad Tarmizi, Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Wong Su Luan, & Ahmad Fauzi Mohd Ayub, 2010). Selain itu, berdasarkan kajian Siti Paridah (2009) menyatakan apabila sikap pelajar semakin positif, sokongan dan penglibatan daripada ibu bapa dan guru meningkat, serta persekitaran pembelajaran dan kemudahan bengkel yang lengkap dan kondusif, maka semakin meningkat motivasi pencapaian pelajar.

## 1.2 Pernyataan masalah

Bidang Hospitaliti menawarkan enam pilihan kursus kepada pelajar Tahun Satu di Kolej Vokasional. Kursus-kursus tersebut ialah kursus Seni Kulinari, Bakeri dan Pastrri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi, Pengajian Awal Kanak-kanak dan Pelancongan. Jadual 1 diperincikan keputusan pentaksiran pelajar bidang Hospitaliti bagi semester 1 dan semester 2.

**Jadual 1: Keputusan Pentaksiran Bidang Hospitaliti Kolej Vokasional 2012**

Sem	Modul	Jumlah pelajar	Cemerlang	%	Kepujian/ Baik	%	Lulus/ Kompeten	%	Gagal	%
1	Vokasional	148	2	1.4	60	40.5	86	58.1	0	0
2	Vokasional	154	0	0	101	65.6	52	33.8	1	0.7

Berdasarkan laporan analisis keputusan pentaksiran kursus Seni Kulinari, Fesyen dan Pembuatan Pakaian serta Kosmetologi yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (2012) didapati majoriti pelajar memperolehi kepujian dan lulus, manakala terdapat pelajar yang gagal. Mengapakan tiada pelajar yang mendapat cemerlang pada semester 2 sedangkan pentaksiran berasaskan modul iaitu kemahiran yang bersifat `hands-on` dengan nisbah pentaksiran bagi modul vokasional iaitu 70%. Walaupun jurang perbezaan yang kecil namun hal ini wajar diambil peduli kerana bidang Hospitaliti memberi penekanan utama kepada kemahiran.

Untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan ini pengkaji menggunakan pendekatan motivasi pencapaian. Motivasi pencapaian dilihat memainkan peranan utama dalam pencapaian pelajar. Menurut McClelland (1985) individu yang bermotivasi pencapaian yang tinggi akan menyumbang kepada prestasi yang lebih baik tanpa mengambil kira insentif yang bakal diterima. Pelajaran, guru, buku, bahan dan bengkel yang terbaik di dunia tidak sekalipun akan membuatkan pelajar teruja dan bersemangat ke arah pembelajaran sekiranya mereka sendiri tidak bermotivasi untuk belajar.

Menurut Maya (2001) terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi motivasi pencapaian seperti ibu bapa, guru dan sekolah. Menurut Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2013) dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang menggunakan sampel jadual

waktu pelajar mendapati pelajar meluangkan masa sebanyak 52% di rumah dan di dalam komuniti berbanding 15% sahaja masa pelajar dihabiskan di sekolah. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa perlu memberi sokongan dan penglibatan semasa anak berada di rumah di samping peranan guru semasa pelajar di sekolah. Ini adalah penting dalam usaha meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Namun maklumbalas daripada pihak sekolah seringkali diutarakan apabila ibu bapa kurang memberi kerjasama dalam keterlibatan aktiviti sekolah bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) (Wee, 1996).

Walaupun pada dasarnya banyak faktor lain yang boleh mempengaruhi motivasi pencapaian, namun kajian ini secara khusus ingin menentukan tahap motivasi pencapaian pelajar dan hubungan faktor sokongan ibu bapa, peranan guru, persekitaran bengkel, pengaruh rakan sebaya dan sikap pelajar terhadap kursus dengan motivasi pencapaian dan faktor yang mempengaruhi motivasi pencapaian pelajar Kolej Vokasional bidang Hospitaliti. Justeru, permasalahan ini perlu ditangani pada peringkat awal untuk memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan objektif Kolej Vokasional itu sendiri untuk melahirkan pelajar berkemahiran pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri serta berkemahiran usahawan. Tambahan pula bidang Hospitaliti ini baru tahun pertama dilaksanakan sepenuhnya di 10 buah Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia. Tempoh masa pengajian selama 8 semester dilihat adalah satu tempoh masa yang lama untuk mensasarkan pencapaian dalam bidang akademik dan kemahiran.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif khusus kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional
2. Mengenalpasti sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional
3. Menentukan hubungan antara sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional
4. Menentukan perbezaan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional
5. Menentukan faktor yang mempengaruhi motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional.

### **1.4 Persoalan kajian**

1. Apakah tahap motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
2. Apakah sikap pelajar terhadap kursus (Seni Kulinari, Bakeri dan Pastri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi dan Pengajian



- Awal Kanak-Kanak) dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
3. Apakah sokongan ibu bapa dalam proses pembelajaran kursus dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
  4. Apakah pengaruh rakan sebaya dalam proses pembelajaran kursus dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
  5. Apakah peranan guru dalam proses pembelajaran kursus dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
  6. Apakah persekitaran bengkel dalam proses pembelajaran kursus dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
  7. Adakah terdapat hubungan antara sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar Bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
  8. Adakah terdapat perbezaan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar pelbagai kursus (Seni Kulinari, Bakeri dan Pastrri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi dan Pengajian Awal Kanak-Kanak) dalam bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?
  9. Apakah faktor yang mempengaruhi motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional?

### 1.5 Hipotesis Kajian

Soalan kajian 7

Hipotesis nul ( $H_0$  7) : Tidak terdapat hubungan antara sikap pelajar terhadap kursus, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru dan persekitaran bengkel dengan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar Bidang Hospitaliti Kolej Vokasional.

Hipotesis nul ( $H_0$  8) : Tidak terdapat perbezaan motivasi dalam kalangan pelajar pelbagai kursus (Seni Kulinari, Bakeri dan Pastrri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi dan Pengajian Awal Kanak-Kanak) dalam bidang Hospitaliti Kolej Vokasional

### 1.6 Kepentingan Kajian

Bidang Hospitaliti merupakan inovasi baru di dalam Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. Sebagai satu bidang yang diberi suntikan penjenamaan semula adalah diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat kepada semua pihak terutamanya kolej vokasional, ibu bapa, guru, rakan sebaya supaya bersama-sama menggembleng tenaga dan usaha ke arah pencapaian matlamat melahirkan modal insan yang bukan sahaja

berkemahiran tinggi tetapi juga mempunyai keboleherjaan tinggi selaras dengan keperluan industri negara.

Dari sudut ilmiah, sumbangan item soal selidik kajian ini dari aspek motivasi pencapaian diharap dapat dijadikan rujukan semasa sesi temuduga kemasukan pelajar ke Kolej Vokasional. Ini dapat memberi penambahbaikan pemilihan calon dengan melihat tahap motivasi pencapaian yang hadir dalam diri seseorang calon. Pengetahuan tentang tahap motivasi ini, dapat membantu pihak Kolej Vokasional mensasarkan pencapaian dalam bidang akademik dan seterusnya meningkatkan tahap kompetensi pelajar agar dapat menjadi tenaga mahir seperti yang diharapkan.

Dari segi amalan, hasil kajian ini diharap dapat digunakan sebagai panduan oleh pihak sekolah bagi menyediakan guru yang boleh berperanan mendidik, membimbing dan dapat mempraktikkan amalan pengajaran yang lebih efektif sama ada pembelajaran berlaku di dalam bilik darjah atau amali. Di samping itu persekitaran bengkel yang kondusif dengan mengambil kira peralatan dan bahan yang berfungsi dan mencukupi adalah perlu diutamakan untuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik. Selain itu dapatan ini membantu pelajar untuk bersedia dengan perubahan ini serta dapat menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diterapkan oleh pihak Kolej Vokasional. Seterusnya ini dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Lulusan Kolej Vokasional merupakan produk sumbangan tenaga mahir kepada negara. Seharusnya graduan yang bakal lahir daripada Kolej Vokasional ini dilengkapi dengan akademik, kemahiran di samping mempunyai tahap motivasi pencapaian yang tinggi serta bersikap positif terhadap pekerjaan untuk menghadapi cabaran arus globalisasi sebagai tenaga mahir kelak.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini terbatas kepada pelajar Tahun Satu bidang Hospitaliti di Kolej Vokasional. Dalam tempoh masa yang singkat iaitu satu tahun adalah sukar untuk melihat tahap motivasi pencapaian pelajar jika dibandingkan dengan tempoh pengajian selama tiga tahun lagi untuk memperolehi diploma pengajian, meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau memenuhi pasaran kerja. Namun, bagi memastikan kadar respon tinggi, proses pengumpulan soal selidik dijalankan sendiri oleh penyelidik. Maklumat berkaitan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar bidang hospitaliti Kolej Vokasional diperolehi melalui soal selidik yang diberikan kepada subjek kajian. Oleh itu ketepatan kajian adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Walau bagaimanapun, penyelidik membuat andaian bahawa semua jawapan responden adalah benar, jujur dan ikhlas.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Motivasi Pencapaian**

Motivasi pencapaian adalah keinginan untuk mencapai sesuatu yang sukar, mengatasi halangan untuk mencapai kecemerlangan diri (McClelland, 1961; Maya, 2001). Menurut Maya (2001) motivasi pencapaian didefinisikan sebagai keinginan individu untuk menyempurnakan tugas yang sukar, mencapai standard piawai yang tinggi dan berjaya dengan sendirinya. Dalam kajian ini motivasi pencapaian merujuk kepada keinginan setiap pelajar bidang Hospitaliti untuk menyempurnakan tugas, mencapai standard yang tinggi dan berjaya memperoleh gred yang baik dalam kursus yang dipilih seperti yang dipaparkan melalui 26 item dalam Bahagian D

### **1.8.2 Pelajar bidang Hospitaliti Kolej Vokasional**

Pelajar bidang Hospitaliti merujuk kepada mereka yang mengikuti program Hospitaliti di Kolej Vokasional Semenanjung Malaysia. Bidang Hospitaliti meliputi kursus Seni Kulinari, Bakeri dan Pastri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi, Pengajian Awal Kanak-kanak dan Pelancongan. Dalam kajian ini pelajar bidang Hospitaliti ialah mereka yang berada dalam Tahun Satu semester satu yang sedang mengikuti kursus Seni Kulinari, Bakeri dan Pastri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi dan Pengajian Awal Kanak-kanak (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2015)

### **1.8.3 Sikap pelajar terhadap kursus**

Menurut Rajecki (1982) sikap adalah kesediaan mental berdasarkan pengalaman, memberi arahan dan pengaruh terhadap tindak balas individu untuk semua perkara atau situasi. Sikap dibentuk melalui pengukuran pengalaman sendiri. Sebahagiannya pula dibentuk hasil perkongsian pengalaman dengan orang lain seperti ibu bapa, guru dan rakan. Sikap memberi arahan kepada individu untuk melakukan sesuatu mengikut kebiasaan. Sikap juga boleh memberi pengaruh antara sesama individu. Dalam kajian ini sikap diukur dari segi sikap pelajar terhadap kursus dalam bidang Hospitaliti iaitu Seni Kulinari, Bakeri dan Pastri, Fesyen dan Membuat Pakaian, Kosmetologi dan Pengajian Awal Kanak-kanak. Ia diwakili oleh 28 item dalam Bahagian C.

### **1.8.4 Sokongan ibu bapa**

Menurut Young, Austin, & Growe (2013) sokongan ibu bapa didefinisikan kepada penglibatan ibu bapa secara aktif di sekolah dan sokongan ibu bapa terhadap aktiviti yang berlaku di rumah yang berkaitan pendidikan dan masa depan pelajar untuk mencapai matlamat. Dalam kajian ini sokongan ibu bapa adalah merujuk kepada sokongan ibu bapa dari segi emosi serta penglibatan ibu bapa semasa pelajar berada di rumah dan di sekolah. Ia diwakili oleh 12 item dalam B1, Bahagian B.

### **1.8.5 Pengaruh rakan sebaya**

Menurut Madill, Gest, & Rodkin (2014) pengaruh rakan sebaya ditakrifkan sebagai rakan sebaya yang mempengaruhi tingkah laku sosial rakan-rakan lain di dalam bilik darjah. Mereka menganggap rakan-rakan untuk dihormati, diambil berat dan saling menyokong antara satu sama lain. Mereka menerima sokongan emosi daripada rakan sebaya. Dalam kajian ini, pengaruh rakan sebaya bererti apabila rakan sebaya mengambil berat, mewujudkan hubungan baik, memberi sokongan semasa berada di dalam kelas teori atau amali. Ia meliputi 10 item dalam B4, Bahagian B.

### **1.8.6 Peranan guru**

Menurut Hallinan (2008) peranan guru meliputi sokongan sosial dan sokongan emosi kepada pelajar. Sokongan ini hadir apabila wujud interaksi antara guru dan pelajar. Cara guru berinteraksi dengan pelajar penting dalam mewujudkan perasaan suka terhadap sekolah dan persekitaran. Interaksi ini juga berlaku dalam persekitaran yang formal dan secara tidak formal di sekolah. Dalam kajian ini peranan guru bererti guru mengambil berat, mewujudkan hubungan baik, memberi galakan serta bantuan terhadap pelajar semasa kelas teori atau amali. Ia diwakili oleh 12 item dalam B2, Bahagian B.

### **1.8.7 Persekitaran bengkel**

Menurut Charles (2002) persekitaran bengkel adalah bengkel yang selamat, menyokong aktiviti pelajar untuk melakukan amali, tidak memberi ancaman terhadap keselamatan pelajar, menimbulkan keseronokan untuk melakukan amali dan mencapai matlamat pembelajaran amali. Dalam kajian ini persekitaran bengkel adalah persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran yang mengambil kira prasarana, budaya dan iklim sekolah seperti keadaan bilik yang ceria dan selamat. Selain itu, persekitaran bengkel juga merujuk kepada bengkel, peralatan dan bahan yang disediakan mencukupi dan dapat berfungsi dengan baik. Ia diwakili oleh 11 item dalam B3, Bahagian B.

## **1.9 Rumusan Bab**

Secara ringkas, bab ini menghuraikan tentang latar belakang kajian iaitu mengenai Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional, motivasi pencapaian dan permasalahan-permasalahan yang wujud dalam motivasi pencapaian sehingga membawa kepada pernyataan masalah. Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, sembilan persoalan kajian dan dua hipotesis telah dibina bagi menjawab lima objektif kajian. Selain itu, skop dan limitasi kajian serta definisi operasional dihuraikan dalam bahagian akhir bab ini. Bab berikutnya akan menghuraikan dengan lebih lanjut tentang motivasi pencapaian dan faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pencapaian pelajar. Tinjauan literatur juga turut menyoroti hasil kajian lampau dari dalam dan luar negara yang relevan dengan kajian ini

## RUJUKAN

- Adamski, A., Fraser, B. J., & Peiro, M. M. (2013). Parental involvement in schooling, classroom environment and student outcomes. *Learning Environ Res*, 16, 315-328.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri iklim sekolah berkesan: Implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31, 3-19.
- Ali Akbar Sheikhi Fini, & Mitra Yousefzadeh. (2011). Survey on relationship of achievement motivation, locus of control and academic achievement in high school students of Bandar Abbas (Iran). *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 30, 866-870.
- Ali Tas, Abdullah Selvitopu, Veysel Bora, & Yusuf Demirkaya. (2013). Reasons for dropout for Vocational High School student`s. *Educational Sciences:Theory & Practice*, 13(3), 1561-1565.
- Aniesah Salleh. (2010). *Hubungan Minat dan Penglibatan Pelajar dalam Kerja Amali dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengeluaran Tanaman*. Tesis master yang tidak diterbitkan.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Chris, S. (2010). *Introduction to Research in Education* (8th ed.). Belmont, USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to Research in Education* (6 ed.). Belmont, United State of America: Wadsworth Group.
- Asanee Tongsilp. (2013). A path analysis of relationships between factors with achievement motivation of students of private universities in Bangkok, Thailand., 88, pp. 229-238.
